



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(Human Resources Development Berhad)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

29 Mei 2002

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/2002**  
**PENGGUNAAN PERKHIDMATAN "SHORT MESSAGE SERVICES" BAGI**  
**MENINGKATKAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(PSMB)**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan majikan mengenai kemudahan perkhidmatan "short message services" (SMS) sebagai meningkatkan lagi perkhidmatan PSMB dan pemakluman maklumat terbaru akan dapat disampaikan kepada majikan dalam kadar yang segera.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, perhubungan PSMB dan majikan dalam semua keperluan adalah melalui media seperti telefon, fax, surat-menyurat dan e-mail. Walaubagaimanapun, bersesuaian dengan teknologi semasa, kaedah komunikasi boleh diperluaskan kepada penggunaan SMS. Kaedah ini akan menjadi perkhidmatan tambahan yang diberikan kepada semua majikan dalam usaha memberi maklumat yang terkini dalam masa yang singkat.

**3. PERANAN MAJIKAN**

- 3.1 Untuk memastikan kaedah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, semua majikan adalah diminta bekerjasama untuk memaklumkan kepada PSMB nombor telefon bimbit beberapa orang pegawai untuk membolehkan PSMB menghantar maklumat kepada pegawai-pegawai berkenaan. Sila penuhkan borang seperti di [LAMPIRAN](#) dan kembalikan kepada PSMB selewatnya pada **30hb. Jun 2002** dengan menggunakan alamat berikut: -

**Ketua Eksekutif,**  
**Pembangunan Sumber Manusia Berhad,**  
**Tingkat 7 Wisma Chase Perdana,**  
**Off Jalan Semantan, Bukit Damansara,**  
**50490 Kuala Lumpur.**  
**(u/p: En Faharudin M. Hassan)**  
**E-mail: psmbsms@hrdnet.com.my**  
**Faks : 03-20935722**

#### 4. **PENUTUP**

Adalah diharapkan dengan adanya perkhidmatan SMS ini akan membolehkan majikan mendapat maklumat terkini daripada PSMB dan seterusnya akan dapat mempergiatkan aktiviti latihan semula dikalangan majikan. Kerjasama semua majikan untuk menjayakan projek ini adalah sangat dihargai dan penghantaran maklumat melalui SMS tidak melibatkan sebarang bayaran bagi pihak majikan.

Sekian. Terima kasih

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**

**"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Yang ikhlas,

**(FAHARUDDIN M. HASSAN)**

b.p Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

